



Iskul Sama diLaut Omadal

Laporan Impak

Sebuah laporan tentang perjalanan transformasi pelajar dan komuniti Iskul ke arah menjadi pemacu perubahan dan memimpin dalam komuniti mereka

Selaras dengan visi Iskul, laporan ini mengupas inisiatif yang berkesan, pencapaian, dan kemahiran yang diperoleh oleh kanak-kanak dan belia Pulau Omadal, Sabah

Jun, 2024



Mempupuk Pemimpin, Mentrans- formasikan Komuniti

Iskul Sama diLaut Omadal (Iskul) telah berkembang lebih jauh daripada sekadar menyediakan asas literasi dan numerasi kepada kanak-kanak Bajau Laut yang tidak mempunyai kewarganegaraan. Misi kami adalah untuk memperkasakan kanak-kanak dan belia agar menjadi pemimpin, serta menyumbangkan kepada pembangunan Pulau Omadal, tanpa mengira status kewarganegaraan. Melihat perkembangan mereka yang luar biasa dalam keyakinan diri, kreativiti, dan penyelesaian masalah, pelajar dan belia Iskul kini menggerakkan projek-projek yang menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh komuniti Pulau Omadal. Melalui inisiatif yang diterajui oleh pelajar-pelajar ini, mereka menjadi pemacu untuk perubahan positif, membuktikan betapa pentingnya pendidikan dalam memperkasakan komuniti.





Latar Belakang Iskul

TENTANG ISKUL

skul adalah sebuah projek yang dijalankan oleh komuniti yang bermula pada tahun 2015 untuk menyediakan latihan literasi bagi kanak-kanak Bajau Laut yang tidak mempunyai kewarganegaraan di Pulau Omadal di Semporna, Sabah, Malaysia.

Perkataan ‘Iskul’ bermaksud ‘sekolah’ dalam bahasa penduduk Bajau Laut. Sebelum penubuhan Iskul, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ini tidak mempunyai sebarang peluang untuk belajar oleh kerana status mereka yang ditak diterima oleh sekolah-sekolah kerajaan.

VISI

Untuk membentuk pemimpin-pemimpin muda melalui sistem pendidikan yang menyeluruh yang mampu mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh komuniti mereka di Pulau Omadal

MISI

- Memupuk semangat kepimpinan melalui interaksi inklusif antara komuniti tempatan dan tanpa kewarganegaraan, serta melalui pendedahan di luar Pulau Omadal.
- Menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan mendorong budaya inklusiviti.
- Mewujudkan kesedaran dan pengiktirafan bagi komuniti tanpa kewarganegaraan.

PERKEMBANGAN ISKUL

2015



Iskul mengadakan **kelas percubaan pertama** dengan Mastal Arikik (guru-guru kecil) dan mula mengajar pada hujung minggu

2016



Iskul mengadakan lawatan penilaian pertama, mengambil bahagian dalam bengkel YSEALI, dan Mastal Arikik Iskul telah dinobatkan sebagai **UNICEF Young Changemaker**

2017 - 2018



Iskul didaftarkan dibawah JPPM sebagai Persatuan Pendidikan Bajau Laut (Iskul Sama diLaut Omadal) (PPM-009-14-24072017)
Iskul menerima **surat sokongan daripada Pegawai Daerah untuk inisiatif Iskul dan pembinaan Pondok Iskul**

2019



Beberapa pelajar menunjukkan potensi yang besar. 15 pelajar baru menyertai Iskul, dan salah seorang daripada **MA menjadi Koordinator Lapangan Iskul**. Beberapa graduan Iskul menjadi Mastal Arikik

2020



Iskul mengambil **guru sepenuh masa pertama, dan kelas beroperasi setiap hari**. Subjek Seni dan Budaya dimasukkan dalam silibus. Majlis anugerah telah diadakan untuk meraikan pelajar dan Mastal Arikik Iskul

2021



Semasa **PKP**, bakul makanan dihantarkan kepada 221 isi rumah tanpa warganegara & penduduk tempatan. Suplemen Vitamin C diagiarkan dan penduduk diberikan ujian pengesahan Covid-19.

2022



Iskul menerima anugerah **Star Golden Heart Awards** dan **Gamuda Inspiration Award** bagi mengiktirafkan usaha Iskul dengan masyarakat tempatan untuk menyediakan literasi asas dan akses kepada air dan penjagaan kesihatan

2023



Iskul memohon kepada JPN/Kementerian Pendidikan untuk menjadi Pusat Pembelajaran Alternatif bagi pelajar tanpa dokumen (**Pusat Bimbingan untuk “Murid tanpa Warganegara”**)

CABARAN UTAMA



PENDIDIKAN

Lebih daripada 200 kanak-kanak di Omadal tidak bersekolah dan tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Oleh kerana itu, kebanyakan daripada mereka menghadapi masalah sosial seperti penagihan gam



KESIHATAN

Masalah kesihatan mental dan fizikal melanda masyarakat di Omadal yang tidak mempunyai sumber untuk menghadapi kesulitan ini



PERSEKITARAN

Tanpa sebarang sistem pengurusan sisa, alam persekitaran di Pulau Omadal berada dalam keadaan pencemaran yang bahaya

RESPON ISKUL



PENDIDIKAN

- Asas Literasi BM, Matematik, Seni, Budaya & Seni Pentas
- Kelas Sains Hayat untuk pelajar yang bertahap cemerlang
- Kelas Bahasa Inggeris dalam talian
- Kelas petang untuk pelajar baharu
- Kelas Digital
- Persekutuan Pembelajaran yang kondusif



KESIHATAN

- Makanan Berkhasiat untuk pelajar
- Menambah baik akses air untuk komuniti
- Latihan Pertolongan Cemas Fizikal untuk pelajar
- Pusat Kesihatan Komuniti
- Bengkel Pertolongan Cemas Kesihatan Mental & Ketahanan Diri
- Kempen kesihatan awam & vaksinasi
- Bengkel Ketahanan Diri



PERSEKITARAN

- Modul Marin (Program Pejuang Laut)
- Sistem Pengurusan Sisa untuk 35 isi rumah untuk memupuk tabiat membuang sampah ke dalam tong sampah.
- Sesi gotong-royong

IMPAK ISKUL

IMPAK PENDIDIKAN



80 kanak-kanak menerima literasi asas

24 belia terlibat dalam projek pembangunan Iskul

10 belia warga Malaysia dan tanpa warganegara mencipta kandungan-kandungan video untuk mempromosikan pelbagai kempen



3 graduan Iskul menjadi pembantu guru (Mastal Arikik)

IMPAK KESIHATAN



252 penduduk Omadal menerima rawatan perubatan dari klinik mini dan Pusat Kesihatan Komuniti



50 ibu mengandung dan menyusu, serta kanak-kanak menerima makanan suplemen

45 kanak-kanak menerima program makanan berkhasiat 5 hari seminggu



150 ++ isi rumah di Pulau Omadal menerima sokongan bakul makanan Covid-19

10 pelajar menghasilkan dan mempersembahkan Wayang Kulit bertajuk 'Omadal melawan Corona' dalam bahasa Bajau

120 isi rumah diberikan tangki penyimpanan air hujan untuk meningkatkan akses kepada air bersih

IMPAK PERSEKITARAN



1 TAN sisa dikeluarkan dan diuruskan dari Pulau Omadal sejak Januari 2022

34 isi rumah di Omadal mengambil bahagian dalam Projek Perintis Pengurusan Sisa Iskul

17 pelajar merancang dan membina Perangkap Sampah Terapung di sekitar perairan Omadal untuk menangani masalah sampah



9 pelajar menjalani Program Penjagaan Marin




Teori Perubahan Iskul (TOC)

Membina pemimpin muda di Omadal tanpa mengira status kewarganegaraan yang mampu mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi melalui 2 cara:

1. Memperkasakan kanak-kanak dan belia tanpa kewarganegaraan dengan literasi asas dan nutrisi



2. Memperkasakan kanak-kanak dan belia di Omadal tanpa mengira status melalui projek-projek komuniti untuk membina persekitaran yang inklusif



Asas visi Iskul bersandarkan kepada dua tonggak penting:

- 1) Literasi Asas dan Kesihatan
- 2) Projek-projek Komuniti dalam Membina Persekutaran Inklusif

Iskul mengakui betapa pentingnya untuk menyediakan asas yang kukuh bagi individu muda di Omadal sebelum memfokuskan kepada perkara yang lain. Kurikulum kami menyediakan literasi asas dan kemudahan kesihatan seperti penyediaan makanan berkhasiat untuk mereka yang tidak bernegera. Akses kepada air bersih dan sokongan perubatan diberikan kepada kedua-dua komuniti tanpa warganegara dan komuniti tempatan Malaysia. Ini memastikan bahawa anak-anak ini sihat untuk pembelajaran yang berkesan.

Tiang kedua kami melibatkan pendedahan pelajar kepada pelbagai projek komuniti. Projek-projek ini membangunkan kemahiran penting seperti penyelesaian masalah dan pemikiran kritis, yang penting untuk membawa perubahan positif. Kami memfokuskan kepada pelbagai bidang seperti kelestarian alam sekitar, kesedaran kesihatan mental, penceritaan, dan literasi digital.

Kami melibatkan kedua-dua anak-anak Malaysia dan anak-anak tanpa warganegara dalam projek komuniti ini. Ini mewujudkan persekitaran inklusif di mana kedua-dua komuniti dapat berinteraksi. Mereka belajar antara satu sama lain dan sama-sama memanfaatkan program tersebut. Ini memberi mereka motivasi untuk mengejar aspirasi mereka bersama dan muncul sebagai pemimpin serta penggerak perubahan di Omadal. Bersama-sama, mereka boleh mengenal pasti dan menangani cabaran komuniti mereka.

Pendekatan holistik Iskul memperkasakan pemimpin muda untuk mengatasi cabaran peribadi dan melengkapi mereka untuk mendorong perubahan positif yang berkesan di Omadal.

Ringkasan Eksekutif

Laporan impak ini memaklumkan perjalanan Iskul Sama diLaut Omadal dalam memupuk kepimpinan, pemerksaan dan transformasi komuniti dalam kalangan pelajar dan komunitinya. Komitmen Iskul terhadap pembangunan holistik terbukti melalui pelbagai inisiatif. Melalui gabungan aktiviti yang teratur, inisiatif yang dipimpin dan diterajui pelajar dan belia, Iskul menjadi satu mercu tanda harapan dan kemajuan di Pulau Omadal.

Bahagian 1: Memupuk Keyakinan, Kemahiran Kepimpinan, dan Pendedahan melalui Aktiviti Terancang


	Pesta Bulan Paluwak	34 pelajar Iskul telah terlibat dalam pelbagai persembahan di Pesta Bulan Paluwak di mana mereka dapat membina keyakinan diri, meneroka bakat masing-masing, mengekspresikan diri, dan memupuk hubungan dengan budaya mereka.
	Kempen Kesedaran Kesihatan	28 pelajar mengambil bahagian dalam 2 produksi teater, 6 penciptaan video, untuk menyampaikan 3 kempen kesihatan iaitu vaksinasi, kesedaran Covid-19, dan juga tentang bahaya dan akibat dari penghiduan gam.
	Duta Kesihatan Pelajar	50 individu daripada 24 isi rumah mengambil bahagian dalam program kebersihan diri di mana pelajar Iskul membimbang rakan sebaya dan juga ahli keluarga mereka tentang penggunaan barang-barang kebersihan.
	Latihan Pertolongan Cemas	15 pelajar menjalani latihan untuk pertolongan cemas , bantuan mangsa lemas, pengurusan tercekik, teknik mengangkat mangsa kecemasan, dan protokol CPR, yang berlangsung selama 2 hari.
	Pusat Kesihatan Komuniti	Diurus oleh 4 Pembantu Kesihatan, termasuk 2 dari Mastal Arikik Iskul sendiri, inisiatif kesihatan ini telah dapat memberi perkhidmatan kepada 180 penduduk Omadal merentasi kewarganegaraan sejak penubuhannya pada October 2023.
	Program Pejuang Laut & Pemetaan Laut	Melalui kurikulum yang mempunyai 12 modul, yang juga berdurasi 12 bulan, 9 pelajar berjaya melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan marin, kemahiran praktikal, dan peluang untuk memimpin projek tindakan. Pelajar-pelajar ini juga berpeluang memetakan persekitaran marin Omadal dalam bahasa Bajau.
	Pengurusan Sisa	34 isi rumah (27 tanpa kewarganegaraan, 7 warganegara tempatan) telah membudayakan amalan pembuangan sisa secara betul dengan menghantar sampah mereka ke Iskul untuk dilupuskan. Program ini telah berjaya membawa keluar 1 tan (1,108kg) sampah dari Omadal dalam durasi 18 bulan.
	Program Pencipta Kandungan Digital	10 belia (7 warganegara tempatan, 3 tanpa kewarganegaraan) mengambil bahagian dalam program ini yang berdurasi 18 bulan, di mana mereka memperoleh kemahiran mencipta kandungan melalui pengalaman praktikal. Secara keseluruhan setakat ini, mereka telah menghasilkan 32 video. Video-video ini telah menjana tontonan 333 ribu secara keseluruhan, dan telah mengumpulkan 1.43 ribu 'subscribers' di Youtube. Melalui Pengewangan Media Sosial, video tersebut mewujudkan potensi aliran pendapatan tambahan yang mampan untuk para peserta. Salah satu filem pendek telah memenangi 'Anugerah Kinabalu' di Festival Filem Antarabangsa Kota Kinabalu.

Bahagian 2: Inisiatif Pimpinan Pelajar: Mengaplikasikan Kemahiran sebagai Pemacu Perubahan



Gotong - Royong

34 pelajar Iskul telah mengetuai projek ini dengan mempunyai **3** objektif teras; menyediakan lebih banyak tong sampah di kawasan umum, membina lebih banyak kesedaran tentang akibat membuang sampah, dan juga mengadakan sesi pembersihan yang konsisten yang menyaksikan **490kg** sampah terkumpul.



Sudut Marin

9 pelajar membina sudut kesedaran marin di luar Pondok Iskul untuk mendidik dan berkongsi dengan masyarakat luas Pulau Omadal mengenai bahan yang telah mereka pelajari daripada program Pejuang Laut.



Projek Perangkap Sampah Terapung

17 pelajar, yang diberi kepercayaan untuk menjadi pemacu perubahan dalam menyediakan penyelesaian kepada cabaran sisa di Omadal, telah mengusulkan, mereka-bentuk dan membina perangkap sampah terapung yang mampu menangkap dan mengumpul serpihan terapung, seperti botol dan beg plastik dari perairan sekitar pulau.



Sukaneka bersama Komuniti Omadal

8 pelajar, dengan bantuan pasukan Iskul, telah menganjurkan acara sukaneka sehari penuh untuk seluruh masyarakat Pulau Omadal yang menyaksikan **110** penyertaan, merentasi peringkat umur dan kewarganegaraan. Acara ini diusulkan oleh para pelajar untuk menambahkan kegembiraan umum dan membina interaksi komuniti dan juga ikatan antara komuniti tanpa kewarganegaraan dan warga tempatan Malaysia.

Bahagian 3 - Profil dan Pencapaian Pemimpin Belia Iskul



Mastal Arikik (Guru Kecil)

4 Mastal Arikik, Bilkuin, Enidah, Delah, dan Shima semuanya adalah 'guru kecil' Iskul yang mengajar kelas tahap 1 – 2. Mereka menerima latihan harian dari Iskul di mana mereka diajar dengan teknik pengajaran, penciptaan kandungan, serta kemahiran menulis untuk laporan dan perbincangan kritikal. Selain sebagai guru, mereka juga merupakan penghubung utama bagi masyarakat tanpa kewarganegaraan dan masing-masing mengetuai projek tindakan di Omadal: **Pengurusan Sisa, Kebun Iskul, Pembuatan & Penjualan Pandanus dan Penyelaras Kesihatan.**



Khairul, Pengasas-Bersama Iskul

Khairul adalah salah seorang pengasas bersama Iskul dan perintis Mastal Arikik sejak berusia 14 tahun. Semangat beliau dalam mendidik masyarakat tanpa kewarganegaraan sejak usia muda telah mencalonkannya sebagai '**Young Change Makers 2015**' oleh UNICEF. Beliau adalah tokoh penting di Iskul dan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinannya, Khairul telah menjalani beberapa siri latihan untuk memperkemaskan kemahiran insaniah dan teknikalnya. Kecekapan beliau dalam mengurus hubungan dan kebergantungan antara komuniti berwarganegara tempatan dan tanpa kewarganegaraan di Omadal sangat penting untuk operasi Iskul.

Secara ringkasnya, pendekatan holistik Iskul Sama diLaut Omadal terhadap pendidikan dapat memupuk generasi pemimpin yang mampu memacu perubahan sosial dan pembangunan komuniti. Memandangkan Iskul terus memperkasakan pelajarnya dalam melibatkan diri dengan komuniti yang lebih luas, impaknya akan bergema jauh di luar pantai Pulau Omadal.

Bahagian 1: Memupuk Keyakinan, Kemahiran Kepimpinan, dan Pendedahan melalui Aktiviti Terancang

Pelajar menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh Iskul untuk memperoleh kemahiran yang relevan, menyediakan mereka untuk menjadi pemacu perubahan yang mampu mencipta impak mereka sendiri.





Perayaan ini melibatkan komuniti Pulau Omadal dengan menggalakkan mereka menyediakan gerai makanan dan minuman. Pasar malam dengan permainan yang diuruskan oleh pelajar, menambahkan lagi kemeriahinan acara tersebut.

Pendekatan inklusif ini memupuk penyertaan komuniti, mengukuhkan ikatan, dan menyediakan pelajar peluang untuk berkembang dan membina keyakinan diri dalam persekitaran yang memberangsangkan.

Pesta Bulan Paluwak

Pesta Bulan Paluwak Iskul di Pulau Omadal menyediakan platform untuk pelajar mengekspresikan diri dan membina keyakinan. Berasal daripada perkataan Bajau 'Paluwak,' bermaksud 'keluar' atau 'muncul,' meraikan Perayaan Bulan Muncul (Bulan Terapung). Festival ini meraikan warisan budaya melalui pelbagai persembahan pelajar termasuk teater, wayang kulit, dan persembahan tarian Igali-Igali. Diilhamkan daripada cerita rakyat Malaysia, persembahan ini menghiburkan sambil menyampaikan pengajaran hidup yang berharga yang berkaitan dengan identiti budaya mereka.




Mempromosikan Kesedaran Kesihatan Melalui Seni Teater


Isu kesihatan merupakan cabaran yang besar bagi masyarakat Bajau Laut tanpa kewarganegaraan. Ketiadaan dokumentasi dan sistem sokongan yang terhad menyebabkan mereka terdedah kepada pelbagai masalah kesihatan. Persepsi negatif memburukkan lagi cabaran mereka. Pelajar Iskul telah bangkit melibatkan diri mereka secara aktif dalam kempen kesihatan menangani COVID-19, menghidu gam dan vaksinasi. Dengan akses perubatan yang terhad dan kemudahan kesihatan yang berkurangan di Omadal, peningkatan kesedaran kesihatan melalui aktiviti sedemikian adalah penting untuk memerangi stigma dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Hebatnya, inisiatif ini telah terbukti memberi kesan di luar jangkaan Iskul sendiri, oleh kerana dapat mempengaruhi komuniti setempat yang lebih luas. Usaha-usaha ini berfungsi sebagai mercu tanda perubahan, mencabar persepsi negatif, dan membuka jalan kepada komuniti yang bukan sahaja sedar tetapi terlibat secara aktif dalam kesejahteraan bersama.

Diinspirasikan dengan pengalaman peribadi dan dimotivasikan untuk mencabar stereotaip, pelajar & belia Iskul secara kreatifnya mendidik rakan sebaya dan komuniti mereka tentang masalah kesihatan melalui produksi seni dan video. Dengan cara ini, mereka dapat mengubah naratif terhadap mereka dan mempromosikan masyarakat Omadal yang lebih sihat dan berpengetahuan. Seramai 28 pelajar mengambil bahagian dalam dua produksi teater mengenai COVID-19 dan penghiduan gam, manakala 12 belia terlibat dalam penciptaan video memfokuskan ketiga-tiga kempen.




Dalam produksi seni pertama, 10 pelajar memamerkan wayang kulit bertajuk "Omadal Lawan Corona" pada 18 Januari 2022, di Pentas Paluwak Iskul. Persembahan itu, yang dikisahkan dalam bahasa Bajau tempatan, menggambarkan bahaya COVID-19 dan cara untuk melindungi diri daripadanya, melalui kisah Rendy dan rakan-rakannya di Omadal tentang cara mereka merancang untuk melawan virus tersebut.



Semasa Pesta Bulan Paluwak pada 16 Mei 2022, 13 pelajar mempersembahkan lakonan bertajuk "Keluarga Atuk," yang menggambarkan bahaya menghidu gam, satu isu lazim dalam kalangan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Omadal. Disebabkan ia mudah diakses di penempatan Bajau Laut, penghiduan gam berterusan disebabkan pengaruh rakan sebaya dan kelaparan yang disebabkan oleh kekangan kewangan. Lakaran ini bertujuan untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat ini.

Belia Iskul yang terlibat dalam program penciptaan kandungan menghasilkan empat video berkaitan kesihatan. Dua video yang dikeluarkan pada 29 Mac 2022, mengisahkan penggunaan MySejahtera dan kuarantin selepas disahkan positif Covid-19. Satu lagi video yang bertemakan penghiduan gam menjadi tular di media sosial pada 30 Mac 2022. Video keempat, yang membongkar mitos vaksinasi, dilancarkan untuk menyasarkan tanggapan salah yang sering dipercayai oleh komuniti tanpa kewarganegaraan Omadal. Inisiatif ini bukan sahaja memamerkan kreativiti pelajar tetapi juga meluaskan impaknya melangkaui sempadan Omadal.



Program Duta Kesihatan Pelajar

Menggariskan impak transformatif daripada inisiatif kami, Iskul dengan bangganya telah melaksanakan Program Duta Kesihatan Pelajar selama dua hari dari 14 hingga 15 Mac 2022. Pada hari pertama, pelajar bukan sahaja diberi taklimat tentang objektif dan kepentingan program tetapi juga dilengkapi dengan pengetahuan praktikal mengenai penggunaan barang kebersihan penting dengan betul, termasuk sabun tangan dan badan, berus gigi dan ubat gigi, syampu dan sabun dobi. Dibimbing oleh guru Iskul, para pelajar kemudiannya diamanahkan dengan tugas-tugas khusus untuk bengkel akan datang yang dijadualkan bersama keluarga mereka.



Pada 15 Mac, bengkel ini diteruskan dengan penyertaan aktif kira-kira 50 individu daripada 24 isi rumah. Berkhidmat sebagai duta kesihatan, pelajar Iskul menjelaskan kepentingan kebersihan, terutamanya dalam konteks memerangi Covid-19, kepada keluarga mereka dan komuniti yang lebih luas. Mereka bukan sahaja menerangkan penggunaan yang betul bagi setiap item kebersihan tetapi juga memudahkan sesi soal jawab, memupuk pemahaman yang lebih mendalam di kalangan ahli komuniti. Keunikan program ini terletak kepada bagaimana pelajar Iskul mengambil alih peranan kepimpinan dengan membimbang dan mengarahkan ahli keluarga mereka sendiri tentang penggunaan barang kebersihan ini dengan betul. Pendekatan ini memastikan pelajar Iskul, melalui penglibatan aktif mereka, menjadi peneraju dalam memperjuangkan amalan kebersihan dalam rumah mereka, menyumbang kepada impak yang berkekalan terhadap kesejahteraan masyarakat.



Pelajar melangkah ke hadapan dengan menjadi Penghulur Pertolongan Cemas

15 pelajar telah menjalani latihan asas pertolongan cemas dan CPR selama dua hari yang diketuai oleh Encik Khairuddin, Pengarah Bulan Sabit Merah Malaysia, Kuala Lumpur Chapter. Kesemua peserta pelajar kini dapat berkhidmat sebagai pembantu pertolongan cemas yang sah bukan sahaja dalam Iskul tetapi juga dalam komuniti Omadal yang lebih luas. Dilengkapi dengan kemahiran dalam pertolongan cemas asas, bantuan mangsa lemas, pengurusan tercekik, teknik mengangkat mangsa kecemasan, dan protokol CPR, mereka memainkan peranan penting dalam meningkatkan keselamatan dan kesiapsiagaan komuniti.



"Sejurnya, kanak-kanak Iskul memang cepat belajar apabila melibatkan sesi praktikal, mereka mudah mengambil apa sahaja yang didemo oleh jurulatih buat kali pertama. Dan mereka bersemangat untuk belajar, saya boleh memberitahu anda perbezaannya berbanding dengan komuniti yang sama umur saya mengajar di Semenanjung".

-Dr. Vivien How (UPM)

Program Penanaman Rumpai Laut dan Kesedaran Kesihatan, Omadal Island, Sabah.

Pusat Kesihatan Komuniti

Pusat Kesihatan Komuniti Omadal, yang ditubuhkan pada Oktober 2023, melambangkan evolusi perkhidmatan pertolongan cemas awal Iskul. Ia merupakan satu langkah penting ke arah meningkatkan akses penjagaan kesihatan untuk semua komuniti di Pulau Omadal. Inisiatif ini telah menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada **180 penduduk Omadal** merentasi kewarganegaraan semenjak penubuhannya.



Diuruskan oleh empat Pembantu Kesihatan Komuniti (CHH), termasuk dua dari Mastal Arikik Iskul sendiri, pusat ini memberi perkhidmatan yang inklusif kepada kedua-dua komuniti tanpa kewarganegaraan dan warganegara tempatan Omadal. CHH memperoleh kemahiran asas penjagaan kesihatan yang penting melalui sesi latihan intensif yang dikendalikan oleh doktor dan jururawat di Klinik Warisan Semporna. Latihan ini merangkumi modul kesihatan yang disediakan dengan teliti, pengurusan luka, penjagaan perubatan asas, pertolongan cemas, dan pemeriksaan kesihatan masyarakat. Persediaan menyeluruh ini memastikan kesediaan mereka untuk menjalankan peranan masing-masing.



Pusat Kesihatan Komuniti Omadal juga menawarkan pendidikan kesihatan komuniti dan perundingan teleperubatan, dipantau oleh pakar penjagaan kesihatan. Inisiatif ini adalah dengan kerjasama Program Penanaman Rumpai Laut dan Kesedaran Kesihatan, Pulau Omadal, Sabah, oleh Malaysia Society for Harm Reduction dan UPM.

Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kapasiti CHH untuk berkhidmat kepada komuniti mereka tetapi juga memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar Iskul untuk bercita-cita untuk meningkatkan kesihatan Omadal. Secara keseluruhannya, Pusat Kesihatan Komuniti Omadal merupakan sumber penting terutamanya bagi komuniti yang kurang mendapat kemudahan, memperkasakan individu dengan pengetahuan penjagaan kesihatan praktikal dan mempromosikan kesihatan masyarakat di Pulau Omadal.



Pemetaan Laut & Penerokaan Biodiversiti



Program Pengawasan Marin dan Pejuang Laut di Iskul berasal daripada komitmen untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan alam sekitar marin, walaupun Iskul pada mulanya kurang kepakaran dalam domain ini. Untuk merapatkan jurang ini, kerjasama telah diusahakan dengan pakar marin, ReefCheck Malaysia. Oleh kerana akses yang terhad kepada modul marin khusus, guru-guru menggunakan buku marin daripada WWF dan "Ensiklopedia Marin" untuk pelajaran awal yang dibahagikan kepada empat bahagian utama; Penemuan Pulau, Penerokaan Laut, Pemetaan Hidupan Marin dan Lautan Global. Dalam program ini, pelajar Iskul menjalani pelbagai aktiviti seperti menyertai lawatan snorkeling, menangkap gambar hidupan laut, dan menamakan hidupan-hidupan marin ini dalam bahasa Bajau mereka. Tiga daripada pelajar Iskul juga telah membuktikan komitmen dan kecekapan mereka di mana mereka telah lulus Pensijilan Open Water Certificate mereka, membolehkan mereka menyelam lebih kerap dan mengetahui lebih lanjut tentang hidupan marin di sekeliling mereka. Program ini berakhir dengan modul "Pejuang Laut" oleh ReefCheck, memperkasakan pelajar melalui projek tindakan.




"Omadal Sea Map: Created by Kids, for the Sea"

Pelajar Iskul memetakan persekitaran marin pulau Omadal dalam bahasa Bajau Laut mereka, bertajuk

"Omadal Sea Map: Created by Kids for the Sea".

Program ini secara keseluruhannya bukan sahaja memupuk kemahiran yang relevan tetapi amat bermanfaat untuk pelajar Iskul, yang mempunyai hubungan erat dengan laut. Melalui metodologi yang betul, mereka mendapat pemahaman yang mendalam tentang persekitaran marin mereka. Penghargaan yang lebih tinggi ini meletakkan mereka sebagai pemimpin dalam pemuliharaan marin, mempengaruhi rakan sebaya mereka untuk mengamalkan amalan mampan dan menyumbang secara aktif kepada kebersihan dan perlindungan laut.




Pelajar Iskul Mempengaruhi Pengurusan Sisa Bertanggungjawab dalam Isi Rumah Mereka

Dari segi sejarah Omadal, pengurusan sisa untuk masyarakat Bajau Laut di pulau ini sering menjadi kebimbangan, dengan sampah sarap sering dibuang ke laut tanpa kesedaran tentang kesan jangka panjang.

Walau bagaimanapun, pelajar Iskul, dilengkapi dengan pengetahuan tentang kepentingan persekitaran laut, kebersihan, kesihatan dan tanggungjawab mereka, telah muncul sebagai pemacu perubahan, penyokong dan pemberi pengaruh dalam keluarga dan kumpulan sebaya mereka.



Iskul memulakan pengagihan tong sampah dan beg kepada setiap isi rumah. Setelah diisi, beg ini dibawa ke pelantar berhampiran Pondok Iskul, dan setiap dua minggu, Iskul kemudiannya mengangkut beg-beg ini dengan bot ke pekan Semporna untuk dilupuskan dengan sewajarnya. Ramai pelajar mengambil inisiatif untuk membawa beg sampah dari rumah mereka ke Iskul, di mana mereka menimbang dan mengawasi proses pelupusan yang bertanggungjawab.



Gambar rajah di sebelah menunjukkan peningkatan ketara berjumlah lebih daripada **1 tan sampah** dalam jumlah pembuangan sampah selepas 18 bulan program ini dilangsungkan. Ini menunjukkan kesedaran dan komitmen yang semakin meningkat oleh setiap isi rumah, dibimbing oleh anak-anak mereka di Iskul, terhadap pengurusan sisa yang bertanggungjawab. Program ini bukan sahaja menyumbang kepada persekitaran hidup yang lebih bersih dan selamat tetapi juga membentuk pelajar Iskul menjadi pemimpin yang bertanggungjawab dan menyokong amalan lestari.

Program Penciptaan Kandungan Digital

Bengkel Pembuatan Video dan Filem


Program Pencipta Kandungan di Iskul bertujuan untuk memperkasakan peserta dengan kemahiran penting dalam membuat video dan penceritaan visual. Jadi, pada akhir program ini, pelajar dapat dilengkapkan dengan kemahiran untuk mencipta video secara bebas, menceritakan kisah mereka sendiri dan pengalaman komuniti mereka kepada dunia. Bengkel yang dikendalikan oleh profesional berpengalaman seperti Andy Chia, seorang pembuat filem, dapat memupuk semangat kreativiti dan menyediakan pengetahuan praktikal dalam pembikinan filem. Peserta, termasuk ahli komuniti tanpa kewarganegaraan dan penduduk tempatan Malaysia, berkumpul untuk belajar, bekerjasama dan berkongsi kisah unik mereka.





Bimbingan Mingguan

Bimbingan mingguan, yang diketuai oleh ahli pasukan Iskul Jefry dan Rahmat, merupakan usaha yang penting untuk mencapai kejayaan program pencipta kandungan ini.

Mentor membimbing peserta melalui idea, penggambaran dan penyuntingan, menghasilkan 32 video yang merangkumi tema budaya dan komuniti. Penubuhan akaun YouTube, Facebook dan TikTok oleh Iskul telah membolehkan perkongsian meluas video ini, memupuk penglibatan dan kesedaran komuniti.



Pencapaian daripada Penciptaan Kandungan



Pengewangan daripada Platform Media Sosial

Peserta-peserta secara kolektifnya telah menghasilkan **39 video** pendidikan yang menarik, mengumpulkan **10.6 ribu** tontonan dan **1.42 ribu** 'subscriber' di YouTube. Impak video-video ini meluas ke TikTok dan Facebook, di mana mereka dapat menjana pendapatan tambahan melalui pengewangan kandungan media sosial.



Tangkapan skrin filem pendek "Ini Bukan Terlewat Raya" yang menerima Anugerah Kinabalu Emas.
[Tonton di sini](#)



Anugerah Golden Kinabalu

Video bertajuk "**INI BUKAN TERLAWAT RAYA**" menerima anugerah berprestij 'Anugerah Kinabalu' pada Pertandingan Pembikin Filem Go10 di Festival Filem Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIFF) yang berlangsung di Hotel Hilton, Kota Kinabalu, 23 Oktober lalu.

Kesan kepada Belia Tempatan Omadal



7 peserta tempatan Omadal

Seramai 10 orang belia telah menyertai program ini, terdiri daripada 3 daripada komuniti tanpa kewarganegaraan dan 7 warganegara tempatan. semua peserta dibahagikan kepada dua kumpulan, di mana ahli dari kedua-dua komuniti ini dicampurkan untuk menggalakkan interaksi dan kerjasama.

Para peserta dari kedua-dua komuniti ini berkolaborasi dengan penuh semangat untuk menghasilkan kandungan cerita yang berkaitan dengan kehidupan dan persekitaran mereka. Perkongsian erat ini memupuk persefahaman bersama dan berpotensi mengurangkan prasangka negatif yang mungkin mereka pegang terhadap satu sama lain.



3 peserta tanpa kewarganegaraan

Video yang dihasilkan merangkumi pelbagai topik, termasuk makanan tradisional, perubatan, tarian dan mesej kesihatan, yang memberi manfaat kepada komuniti Omadal dengan mempromosikan dan mendidik penonton di internet tentang menariknya budaya unik mereka. Tambahan pula, video kesedaran kesihatan memainkan peranan penting dalam mendidik rakan sebaya mereka tentang isu kesihatan dan sosial yang memerlukan perhatian dan perubahan.



“Saya seronok apabila diberi peluang untuk berlakon di dalam video yang dibuat bersama rakan-rakan yang lain. Saya berharap agar projek ini dapat diadakan lagi supaya saya boleh menambah ilmu saya tentang pembuatan video.”

- Siti Syakinaz , Peserta Rakyat Tempatan

A black and white photograph showing several students in a classroom setting. In the foreground, a student is looking down at a piece of paper or a small object in their hands. Behind them, other students are visible, some looking towards the camera and others focused on their work. The background shows shelves filled with books and educational materials.

Bahagian 2: Inisiatif Pimpinan Pelajar: Mengaplikasikan Kemahiran sebagai Pemacu Perubahan

Pelajar menggunakan dan mengaplikasikan kemahiran yang mereka perolehi dengan memulakan, mengatur dan memimpin projek mereka sendiri yang memberi manfaat kepada komuniti Pulau Omadal

Gotong-Royong pimpinan Pelajar



Setelah Iskul mengusulkan projek tindakan pengurusan sisa untuk para pelajar pada Ogos 2023, 34 daripada mereka dengan sukarelanya mencadangkan beberapa idea kerana mereka percaya bahawa mereka boleh menyumbang untuk menjadikan persekitaran Omadal bebas daripada masalah sampah. Idea-idea tersebut kebanyakannya dilaksanakan dalam bentuk gotong-royong, tetapi secara khusus menggariskan 3 objektif:



Pertama adalah untuk merancang sesi pembersihan dan mengutip sampah yang berkonsisten. Sesi pembersihan pertama menyaksikan **490kg** sampah dibawa keluar dari Omadal!

Kedua, menyediakan tong sampah di taman permainan dan menyediakan jadual pemantauan harian untuk memastikan tong sampah digunakan dengan betul dan persekitaran sentiasa bersih.

Akhir sekali, untuk merancang kempen kesedaran yang boleh menggalakkan seluruh masyarakat untuk terlibat!

Semasa gotong-royong, pelajar Iskul mengutip sampah secara kolektif di sekitar Pulau Omadal, memastikan tiada kawasan, walaupun di bawah pondok bangunan terlepas dari pandangan. Mereka merekodkan data berat sampah yang dikumpul sebelum memindahkan beg sampah ke dalam bot untuk diangkut.



Projek gotong-royong ini membuktikan bahawa pelajar Iskul komited untuk menjadi pemacu perubahan masyarakat mereka, memastikan persekitaran mereka bersih dan selamat. Ini adalah salah satu cara mereka mengubah naratif biasa yang menceritakan sebaliknya.

Sudut Marin: Mendidik Komuniti tentang Lautan Omadal



Pelajar Iskul telah mendalami program Pejuang Laut yang komprehensif dari September 2022 hingga September 2023, diketuai oleh ReefCheck Malaysia. Melalui 12 sesi, mereka menguasai pemetaan marin, nama saintifik dan fotografi hidupan marin, memupuk hubungan yang mendalam dengan hidupan marin Pulau Omadal.

Modul bengkel Pejuang Laut yang berlangsung pada Oktober 2023 ini telah melahirkan inisiatif pelajar untuk mengenal pasti punca utama hidupan marin yang ingin mereka lindungi. 9 pelajar berpendapat ingin menyumbang dan memberikan penyelesaian kepada masalah marin dengan **(i) mewujudkan sudut marin di Omadal untuk memberi kesedaran marin kepada semua penduduk dan (ii) membina perangkap sampah terapung.**

Sudut Marin

Pelajar Iskul membina sudut marin ini sepenuhnya. Inisiatif ini berfungsi sebagai hab pendidikan, bertujuan untuk menyedarkan bukan sahaja rakan pelajar mereka tetapi juga komuniti yang lebih luas di Pulau Omadal. Dengan menggunakan sudut sebagai platform untuk berkongsi pandangan yang diperoleh daripada modul marin yang mereka pelajari, pelajar Iskul berharap dapat memberi inspirasi dan mendidik semua tentang kepentingan pemuliharaan marin, memupuk pemahaman dan penghargaan seluruh masyarakat terhadap persekitaran marin Pulau Omadal.




Projek Perangkap Sampah Terapung

Dalam inisiatif yang diterajui pelajar ini, sembilan pelajar Iskul cuba menangani isu sampah terapung di Pulau Omadal. Projek ini dilaksanakan oleh pelajar Kelas Ata'u, dan Ahungun berumur 12 hingga 15 tahun, di mana mereka terlibat dalam proses mereka bentuk dan melaksanakan perangkap sampah terapung di bawah bangunan sekolah mereka. Projek ini, dipandu oleh struktur Modul Marin yang berlangsung selama 12 bulan, diterapkan dengan lancar ke dalam jadual akademik mereka. Walaupun menghadapi cabaran dalam perolehan bahan, para pelajar mempamerkan daya tahan, kreativiti dan komitmen yang ikhlas terhadap melindungi alam sekitar.

Didorong oleh rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar, projek ini bertujuan untuk melaksanakan penyelesaian praktikal untuk mengurangkan sampah terapung di persekitaran Omadal . Rancangan untuk projek masa depan termasuk mengoptimumkan penempatan perangkap di sekitar Omadal, meneroka bahan mampan dan mengembangkan penglibatan komuniti. Inisiatif yang diterajui pelajar ini bukan sahaja menanamkan rasa penjagaan alam sekitar yang berkekalan, malah dapat membuktikan kesan pembelajaran praktikal dan penglibatan komuniti.





"Seronok dapat bekerjasama dengan kawan kawan dalam menyiapkan perangkap sampah. Boleh bersama-sama mengurangkan sampah di Pulau Omadal"

– Rendy, pelajar Iskul

"Best sebab boleh ke pekan membeli barang-barang untuk perangkap sampah. Boleh pergi ke banyak kedai mencari barang"

– Bayu, pelajar Iskul

"Gembira kerana berjaya membuat perangkap sampah. Dulu saya tidak pandai mengikat botol tapi setelah buat projek perangkap sampah saya belajar untuk mengikat"

– Majali, pelajar Iskul




Sukaneka: Inisiatif Pelajar Iskul untuk Meningkatkan Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Komuniti Omadal

Hari Sukaneka Iskul telah diusulkan dan dianjurkan oleh 8 orang murid Iskul yang bertanggungjawab terhadap setiap butiran perlangsungan program ini termasuk jenis aktiviti, peralatan dan pengemasan, dengan bimbingan guru-guru. Acara ini telah disertai oleh seramai 110 orang merentasi peringkat umur dan kewarganegaraan yang menetap di Pulau Omadal.




Para pelajar mencadangkan untuk mengadakan Hari Sukaneka selepas Iskul menganjurkan bengkel kesihatan mental dan kesejahteraan untuk mereka. Mengimbas kembali bahan yang mereka pelajari, pelajar-pelajar menyedari bahawa acara ini perlu dilakukan untuk meningkatkan motivasi dan kegembiraan komuniti Omadal melalui aktiviti menyeronokkan yang boleh dilakukan melalui interaksi antara komuniti.



Memahami cabaran yang dihadapi oleh beberapa kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang tidak mendaftar di Iskul, dan yang mungkin terdedah kepada perasaan kurang motivasi dan isu sosial, para pelajar Iskul berazam untuk menyuntik motivasi, kegembiraan, dan sikap positif ke dalam kehidupan mereka melalui Hari Sukaneka ini.



Pelajar-pelajar ini juga menyedari bahawa aktiviti yang boleh mewujudkan interaksi antara masyarakat tanpa kewarganegaraan dan masyarakat setempat di Omadal perlu dilakukan dengan lebih kerap supaya hubungan yang lebih harmoni antara kedua-duanya dapat dipupuk.



Raksasa Sampah: Kandungan Video Dicipta oleh Pelajar untuk Menangani Masalah Sampah di Omadal

Semasa bengkel tindakan kesihatan mental, beberapa pelajar menumpukan perhatian mereka kepada masalah sampah yang berleluasa dalam komuniti mereka. Mereka menyedari bahawa persekitaran yang lebih bersih mampu membawa makna kesejahteraan dan kesihatan mental yang lebih baik untuk semua. Untuk memperjuangkan dan menyebarkan kesedaran ini, pelajar Iskul telah mencipta sepenuhnya jalan cerita sendiri yang mengisahkan tentang seorang pelajar yang mempunyai tabiat membuang sampah yang kemudiannya berhadapan dengan Raksasa Sampah. Dengan bimbingan guru Iskul, Jefry, mereka memanfaatkan kreativiti mereka untuk menghasilkan filem pendek yang kreatif menangani akibat membuang sampah.

Tonton filem pendek [di sini](#).





Bahagian 3: Profil dan Pencapaian Pemimpin Belia

Kenali individu-individu yang
menerajui perubahan positif di
Pulau Omadal melalui sifat
kepimpinan mereka yang cemerlang
dan pencapaian mereka yang
memberi kesan

Mastal Arikik: Daripada Pelajar Iskul, kini menjadi Guru Berinspirasi

Mastal Arikik merupakan ‘guru kecil’ dalam Bahasa Bajau Laut. Beberapa Mastal Arikik Iskul daripada kohort pertama terdiri daripada pelajar tempatan Malaysia di pulau Omadal, yang membantu dalam pelangsungan kelas pada setiap hujung minggu. Hari ini, MA perintis Iskul telah pun beralih kepada perkara yang lebih besar dalam hidup mereka, dan beberapa graduan Iskul telah pun mengambil alih peranan sebagai kohort MA seterusnya. Kebanyakan daripada mereka telah **berlatih sebagai Mastal Arikik sejak 2020, mengajar kelas tahap 1-2, berkhidmat sebagai penggerak bantuan Covid-19, dan merupakan penghubung utama bagi komuniti tanpa kewarganegaraan.**





Iskul mempunyai empat Mastal Arikik: Cikgu Bilkuin, Cikgu Enidah, Cikgu Shima dan Cikgu Delah. Setiap petang, Iskul menyediakan kelas dan latihan untuk Mastal Arikik. Matlamat utama kelas-kelas ini adalah untuk melatih dan melahirkan guru yang boleh mengajar dan membimbing pelajar Iskul. Kelas-kelas tersebut merupakan:


- **Teknik Pengajaran** – Konsep-konsep asas dan teknik-teknik untuk mengajar kanak-kanak Iskul, seperti pendemonstrasian, penggunaan model, pemberian sokongan dan dorongan, pemberian perhatian, pertimbangan, dan perkongsian.
- **Pembuatan Kandungan** – Kelas ini direka untuk membantu Mastal Arikik dalam kemahiran pengucapan awam, penciptana ucapan/kandungan yang bernilai baik, dan menggunakan media dan teknologi baharu dalam pendidikan.
- **Laporan dan Perbincangan** – Setiap hari Selasa, kakitangan Iskul, termasuk Mastal Arikik, berkumpul untuk menyelesaikan tugas-tugas dokumentasi seperti laporan, profil pelajar, analisis data, dan pembangunan pelajar. Selain itu, pada hari tersebut, Iskul mengadakan sesi perbincangan tentang pelbagai topik seperti sejarah negara, perkahwinan, perubahan iklim, kemiskinan, dan lain-lain. Sesi-sesi ini menggalakkan guru-guru untuk menilai, dan berfikir secara kritis.

Selain pengajaran, setiap Mastal Arikik diberikan projek komuniti untuk dikelola. Terdapat empat projek yang dikelola oleh Mastal Arikik: Projek Pengurusan Sisa, Kesihatan, Pembuatan dan Penjualan Barang Kraf, dan Kebun Iskul. Melalui projek-projek ini, Iskul dapat membina kemahiran seperti proses perancangan, komunikasi, penyelesaian masalah, dan kepimpinan.



BILKUIN

Bertanggungjawab atas Program Pengurusan Sisa



Bilkuin telah menyertai Iskul sebagai pelajar sejak Ogos 2015. Beliau adalah seorang kanak-kanak dari komuniti tanpa kewarganegaraan di Omadal. Kini berumur 18 tahun, beliau adalah satu-satunya pencari nafkah untuk menyara ibu bapanya dan 3 lagi adik-beradiknya.

Bilkuin adalah seorang pelajar yang berprestasi tinggi. Beliau menghabiskan beberapa bulan bersama sepupunya di tanah besar Semporna dan dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis lebih cepat daripada rakan sebayanya. Bilkuin dapat memahami perbezaan peluang dan kepentingan kestabilan kewangan apabila diambil bekerja di ladang kelapa sawit selama beberapa bulan.

Bilkuin mengajar murid Tahap 1. Pelajarnya suka belajar daripadanya oleh kerana cara pengajaran Bilkuin yang menarik dan menyeronokkan.

Beliau adalah tunjang utama projek komuniti Iskul seperti projek air bersih dan projek pengurusan sisa di mana beliau adalah penghubung utama dengan komuniti tanpa kewarganegaraan.





ENIDAH

Bertanggungjawab atas Projek Kebun Iskul

Enidah juga merupakan anak tanpa kerakyatan di Omadal. Sama seperti Bilkuin, beliau menyertai Iskul pada Ogos 2015 ketika beliau berumur kira-kira 12 tahun. Enidah mempunyai 12 adik beradik dan keluarganya memperoleh pendapatan RM10 setiap hari.

Beliau lulus sebagai pelajar terbaik untuk Kelas 2020. Beliau mencapai kemajuan yang sangat cemerlang secara konsisten setiap tahun seperti yang dilihat dalam laporan penilaian 2015-2018. Ini menunjukkan keupayaannya untuk fokus dan belajar apabila diberi peluang.



Pada tahun 2019, Enidah menyahut cabaran untuk menjadi Mastal Arikik Iskul dan beliau ditugaskan untuk mengajar kelas pertengahan di mana pelajar telah menguasai A hingga Z dan nombor.



Enidah mengetuai projek Kebun Iskul, menanam sayur-sayuran untuk dijual, sambil mengajar pelajar Iskul cara menanam sayur-sayuran. Taman hidroponik ini menangani cabaran untuk mengakses sayur-sayuran segar di Pulau Omadal, menawarkan komuniti sumber tempatan yang boleh dipercayai.

DELAH

Bertanggungjawab atas Penjualan dan Penenunan Kraf Pandan



Delah merupakan rakan sekelas Enidah dan Bilkuin sejak Ogos 2015 ketika berusia lebih kurang 11 tahun. Delah mempunyai sembilan adik beradik dan keluarganya memperoleh RM5 setiap hari. Kakaknya juga lulusan kelas 2020, dan adik lelakinya kini mendaftar di Iskul.

Delah seorang anak yang rajin dan proaktif. Semasa bekerja sebagai pembantu rumah dengan salah seorang keluarga tempatan Malaysia, beliau mengambil kesempatan untuk belajar daripada anak-anak majikannya yang bersekolah. Ini telah meningkatkan kemahirannya berbanding rakan sebayanya. Apabila pengambilan pelajar baharu disambung semula pada Julai 2019, Delah berani melangkah untuk mengajar di Iskul walaupun tidak mempunyai pengalaman dan latihan terdahulu.

Beliau juga mengetuai projek yang mencipta aliran pendapatan untuk wanita tanpa kerakyatan – menjual kraf tikar tenunan pandan, sebuah kerjasama dengan Yayasan Gamuda.





SHIMA

Penyelaras Kesihatan Pelajar Iskul

Shima merupakan anak saudara kepada salah seorang pengasas-bersama Iskul iaitu Kak Roziah. Beliau datang ke Omadal untuk belajar menganyam pandan untuk membuat kraf tangan daripada ibu saudaranya pada usia 15 tahun pada tahun 2021. Shima mempunyai sijil kelahiran, tetapi tiada kad pengenalan. Akibatnya, beliau tidak dapat memasuki sekolah menengah awam.

Melihat potensinya, Iskul merikrut Shima sebagai salah seorang Mastal Arikik pada Mac 2022 ketika Delah sedang bercuti bersalin. Shima mengajar kelas tahap 2, dan berkhidmat sebagai Penyelaras Kesihatan pelajar Iskul.

Beliau bertanggungjawab memberikan perkhidmatan pertolongan cemas perubatan kepada pelajar lain dan masyarakat Omadal sejak 2022. Baru-baru ini, beliau telah dipilih sebagai Pembantu Kesihatan Komuniti (CHH) dan menjalani latihan klinik di Klinik Warisan Semporna selama dua minggu.



Inisiatif ini melengkapannya dengan pengetahuan penjagaan kesihatan praktikal dan meletakkannya sebagai aset berharga dalam memperjuangkan kesihatan masyarakat di Pulau Omadal.



Khairul, Pengasas- Bersama Iskul



**Khairul Atim | Pengasas-
Bersama, Perintis Mastal Arikik
dan Penyelaras Lapangan**

Khairul merupakan salah seorang pengasas-bersama Iskul Sama diLaut Omadal. Beliau dan keluarganya merupakan rakyat tempatan berwarga negara Malaysia yang tinggal di Pulau Omadal. Beliau juga mampu bertutur dalam bahasa Bajau dengan fasih. Khairul adalah salah seorang perintis Mastal Arikik (MA) di mana beliau mengendalikan kelas percubaan pertama untuk kanak-kanak tanpa kerakyatan ketika berumur 14 tahun. Selepas itu, beliau mengambil bahagian dalam proses penubuhan Iskul. Khairul komited untuk mengajar rakan sebayanya yang tidak berwarganegara setiap hujung minggu sejak itu. Sebagai MA perintis Iskul, beliau telah dicalonkan sebagai "Young Change Makers 2015" oleh UNICEF.



Young Changemaker 2015 - The Cikgu Kecil

UNICEF Malaysia
4.44K subscribers

Subscribe

Like 15 Dislike Share Download ...

Mengimbas impak Iskul dalam kehidupannya, Khairul telah melahirkan pelbagai impak positif. Sejak usia muda 14 tahun, beliau merasakan panggilan untuk menjadi guru tadika, dan Iskul memberi peluang untuk memenuhi hasrat ini. Khairul mengakui bahawa tanpa Iskul, beliau mungkin tidak akan mencapai tahap pertumbuhan ini dan melihat Iskul bukan sahaja sebagai sebuah organisasi tetapi sebagai keluarga keduanya.

Sebagai seorang ahli komuniti yang berpengaruh, latar belakang, pengalaman dan cara interaksi Khairul menjadikannya seorang tokoh penting dalam operasi Iskul. Beliau mampu memberikan pandangan tentang hubungan dan ketergantungan antara masyarakat tempatan Malaysia dan masyarakat tanpa kewarganegaraan di kejiranannya Pulau Omadal. Sebagai petugas Koordinator Lapangan, beliau sedang menjalani beberapa siri latihan untuk memperkemaskan kemahiran insaniah dan kemahiran teknikalnya. Kemahiran ini bukan sahaja akan membantu tugas koordinasinya, tetapi juga mempersiapkan beliau untuk menguruskan Iskul bersama-sama Mastal Arikik dan pelajar-pelajar Iskul dalam masa terdekat.

"Cita-cita saya adalah untuk memperjuangkan hak pendidikan untuk komuniti yang terpinggir. Saya juga berharap untuk BERJAYA DALAM HIDUP."

- Khairul, pengasas bersama Iskul



Dengarkan Aspirasi Pelajar Iskul dan Cara Iskul Memperkasakan Impian Mereka:

Ini adalah pelajar-pelajar yang sedang belajar di Iskul. Mereka mempunyai latar belakang yang sama seperti Mastal Arikik sebelum ini. Kami berharap sokongan kami yang berterusan akan membantu mereka mencapai kejayaan dengan memberi peluang yang mungkin mereka tidak dapat peroleh sebelum ini.

ALINI



MINA




AG



MAJALI



Ketahui lebih lanjut tentang Iskul melalui video-video ini:



[Yayasan Hasanah: 'Little Teacher' Jimmy's Story | Education for Every Child](#)



[Unicef Young Changemaker: Khairul](#)



[Persatuan Wanita Pulau Omadal \(WAPO\): Mastal Arikik in 2016](#)

Pendana Iskul

YAYASAN
HASANAH



A foundation of Khazanah Nasional



MINISTRY OF FINANCE



**Sumbangan
Awam**

Sokong Iskul

Untuk membantu membina pemimpin muda di Omadal,
anda boleh menderma kepada:



Bank: Publik Bank
Nombor Akaun: 3-2165146-31
Nama Akaun: Persatuan Pendidikan Bajau Laut
(Iskul Sama diLaut Omadal)

Sila emelkan resit pemindahan kepada
info@iskul.my untuk memaklumkan kami!



@iskul_omadal



@IskulSamaDiLautOmadal



@Iskul

Magsukul!